

AR-RAHNU: KAJIAN LITERATUR SECARA GLOBAL

AR-RAHNU: GLOBAL LITERATURE REVIEW

Salimah Yahaya^{1*}
Shahir Akram Hassan²
Hainnuraqma Rahim³
Che Khadijah Hamid⁴
Surita Hartini Mat Hassan⁵
Sakinatul Raadiyah Abdullah⁶

^{1*,4} Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia (*E-mail: salimahyahya@uitm.edu.my) (chekhadijah@uitm.edu.my)

² Research Centre of Islamic Development Management (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: Author shahirakram@usm.my)

³ Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka, Malaysia

⁵ Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Raub, Pahang, Malaysia (E-mail: suritahartini@uitm.edu.my)

⁶ Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia (E-mail: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 12-5-2025
Revised date : 12-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Yahaya, S., Hassan, S. A., Rahim, H., Hamid, C. K., Mat Hassan, S. H., & Abdullah, S. R. (2025). Ar-Rahnu: Kajian literatur secara global. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 323 - 330.

Abstrak: *Ar-Rahnu atau pajak gadai Islam merupakan salah satu alat pembiayaan mikro bagi umat Islam. Keperluan yang semakin meningkat untuk mendapatkan perkhidmatan Ar-Rahnu dipengaruhi oleh kesedaran umat Islam mengenai faedah yang diperolehi melalui penggunaan perkhidmatan Ar-Rahnu. Sejajar dengan perkembangan ini, ahli akademik semakin berminat untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang kewangan mikro ini. Bagaimana sebenarnya keadaan perkhidmatan Ar-Rahnu di luar negara kerana Ar-Rahnu merupakan instrumen kewangan Islam yang tidak begitu dikenali di luar negara. Adakah Ar-Rahnu hanya beroperasi di Malaysia? Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji kajian yang diterbitkan berkaitan produk kewangan mikro ini pada peringkat global. Artikel ini dilakukan untuk mengenal pasti trend penulisan atau pengkajian Ar-Rahnu secara global. Ulasan ini dilakukan untuk memberi manfaat kepada para sarjana Ar-Rahnu sekarang dan yang akan datang untuk mengenal pasti peluang penyelidikan pada masa hadapan berkaitan bidang ini. Secara khusus masih belum terdapat literatur yang boleh menjelaskan mengenai fenomena tersebut. Oleh itu, satu kajian khas perlu dilakukan untuk mengetahui secara mendalam tentang pasaran Ar-Rahnu di luar negara.*

Kata Kunci: *Ar-Rahnu, Pajak gadai Islam, Pajak gadai konvensional, pembiayaan mikro*

Abstract: *Ar-Rahnu or Islamic pawnshop is one of the microfinance tools for Muslims. The increasing need to obtain Ar-Rahnu services is influenced by the awareness of Muslims about the benefits obtained using Ar-Rahnu services. In line with this development, academics are increasingly interested in conducting research in this field of microfinance. What is the actual situation of Ar-Rahnu services abroad because Ar-Rahnu is an Islamic financial instrument that is not very well known abroad. Does Ar-Rahnu only operate in Malaysia? Therefore, this article aims to review studies published regarding this microfinance product at the global level. This article was conducted to identify trends in writing or studying Ar-Rahnu globally. This review was conducted to benefit current and future Ar-Rahnu scholars to identify future research opportunities related to this field. There is still no literature that can explain the phenomenon. Therefore, a special study needs to be conducted to learn in depth about the Ar-Rahnu market abroad.*

Keywords: *Ar-Rahnu, Islamic Pawnbroking, Conventional Pawnbroking, Micro Finance*

Pendahuluan

Kini, terdapat dua jenis pajak gadai yang beroperasi di dunia kontemporari iaitu pajak gadai konvensional dan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu). Kedua-dua jenis institusi ini memiliki kaedah operasi yang berbeza iaitu Ar-Rahnu beroperasi menggunakan prinsip-prinsip Islam, namun sebaliknya pajak gadai konvensional masih menggunakan kaedah lama yang pernah diguna pakai oleh pajak gadai Cina sejak 100 tahun dahulu.

Terdapat banyak kajian yang diketengahkan berkaitan Ar-Rahnu. Namun, tema-tema yang diperbincangkan dalam bahagian kajian lepas masih terhad terutama kajian tentang Ar-Rahnu dari luar negara atau secara global. Dalam makalah ini, kajian-kajian berkaitan Ar-Rahnu dari luar negara diselidiki untuk melihat *trend-trend* pengkajian terkini berkaitan Ar-Rahnu, namun agak sukar untuk mendapatkan kajian mengenai Ar-Rahnu secara global. Kajian Ar-Rahnu secara global adalah penting untuk diteliti bagi melihat keadaan atau pengoperasian Ar-Rahnu di luar negara. Hal ini berbeza dengan rujukan bagi kajian-kajian berkaitan pajak gadai konvensional kerana tidak sukar untuk mendapatkan kajian-kajian berkaitan ini, sementelah pajak gadai konvensional telah menjadi institusi kewangan tertua bagi tamadun manusia. Pengkajian tentang ini misalnya telah dilakukan oleh banyak pengkaji sama ada di negara-negara Barat mahupun di negara-negara Asia.

Kajian Pajak Gadai Konvensional di Peringkat Global

Sedikit penjelasan dilakukan tentang kajian-kajian lepas pajak gadai konvensional bagi menonjolkan bahawa kepelbagaian kajian tentang pajak gadai konvensional yang telah banyak dilakukan di pelbagai negara di dunia. Pajak gadai konvensional telah menjadi institusi kewangan tertua bagi tamadun manusia menyebabkan kajian berkaitan ini telah banyak dilakukan. Banyak pengkaji Barat menjalankan penyelidikan tentang pajak gadai konvensional dari aspek konseptual dengan melihat kepada operasi, kelebihan dan kepentingan pajak gadai konvensional kepada masyarakat mereka, isu dan cabaran yang dihadapi, kajian perbandingan serta penyelidikan dari prespektif undang-undang.

Kajian oleh Comeau dan Klofas (2012) misalnya melihat pajak gadai konvensional dari perspektif undang-undang untuk mewujudkan keseragaman penggunaan perundangan pajak gadai di seluruh kawasan New York. Begitu pula dengan Alegria dan Rempillo (2016) yang mengkaji perundangan pajak gadai konvensional di Filipina dari segi pembayaran cukai oleh

pajak gadai yang beroperasi kepada kerajaannya. Sementara itu, Huian (2009) meneliti perundangan pajak gadai konvensional, kewangan dan perakaunan di Romania. Menurutnya, pajak gadai konvensional mendapat keuntungan daripada kadar faedah dan keuntungan daripada penjualan barang gadaian yang tidak dituntut oleh peminjam. Berbeza pula dengan Zhou (2010) yang menerangkan kepentingan pajak gadai konvensional dalam membantu usahawan mendapatkan modal bagi menjalankan aktiviti keusahawanan kecil di China, manakala Lao (2005) mengkaji tentang diskriminasi harga yang apabila pajak gadai konvensional di Las Vegas memajak harga berdasarkan nilai cagaran. Kajian pajak gadai di Taiwan telah dilakukan oleh Huang dan Lin (2022). Kajian tersebut mendapati terdapat peraturan yang tidak dilaksanakan dengan betul seperti kadar faedah yang tinggi dan penjualan barangan curi yang tiada pengesahan pemilikan.

Penyelidik lepas telah melakukan pelbagai penyelidikan mengenai pajak gadai konvensional dan dibincangkan dari pelbagai perspektif. Kebanyakan pengkaji percaya bahawa pajak gadai konvensional membantu masyarakat yang mengalami masalah kewangan dan yang tidak layak mendapat pinjaman bank. Namun begitu isu-isu yang timbul dalam kajian pajak gadai konvensional banyak menjurus kepada undang-undang yang diguna pakai, selain tidak menyentuh langsung tentang aspek syariah. Kajian-kajian pajak gadai secara globalnya menekankan aspek kadar faedah, kecurian barang gadaian, walaupun tidak menafikan bahawa pajak gadai konvensional membantu masyarakat mendapat pinjaman tunai dengan mudah.

Kajian Ar-Rahnu Di Peringkat Global

Maka dengan itu, pada peringkat dunia secara keseluruhannya sukar untuk ditemui penyelidikan tentang Ar-Rahnu lantaran hanya beberapa negara di dunia sahaja yang melaksanakan Ar-Rahnu sementara Ar-Rahnu juga boleh dikategorikan sebagai produk kewangan Islam yang masih baru. Lantas, belum terdapat sebarang petanda bahawa negara-negara Barat terutamanya di Eropah telah mula memperkenalkan Ar-Rahnu kerana tidak ditemui sebarang kajian tentang ini. Jika ada sekalipun hanya beberapa kajian dari India, Negara Arab dan Asia Tenggara termasuklah Indonesia dan Brunei.

Kentaro Kambara (2017) menjalankan kajian ke atas Ar-Rahnu di negara Asian iaitu Brunei. Berbeza dengan Ar-Rahnu di negara Asia yang lain apabila Ar-Rahnu di Brunei mempunyai ciri-ciri yang kuat sebagai produk kewangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ar-Rahnu di Brunei menurut kajian tersebut dapat membantu usahawan membeli peralatan aset perniagaan seperti mesin tekstil, mesin penanaman padi dan pemprosesan.

Sri Lanka juga menjadi salah sebuah negara di dunia yang semakin giat menjalankan perbankan dan kewangan Islam. Hal ini termasuklah Ar-Rahnu di negara tersebut yang semakin berkembang sehingga mereka mula memperkenalkan produk pembiayaan sijil Emas di Amana Bank PLC yang bertujuan membantu masyarakat Islam daripada menggunakan pajak gadai konvensional yang bercanggah dengan syariah (Fathima Zahira & Riyad Rooly, 2018).

India Utara misalnya telah mula melaksanakan Ar-Rahnu dan ini dinyatakan melalui kajian Khan dan Nisar (2004). Menurut mereka, operasi Ar-Rahnu di Utara India dilaksanakan oleh lima buah institusi dana Islam iaitu Muslim Fund Najibabad, Muslim Fund Deoband, Muslim Fund Nehtaur, Muslim Fund Kiratpur dan Muslim Fund Sherkot. Kelima-lima institusi dana Islam ini bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan kepada golongan miskin sama ada masyarakat Islam mahupun bukan Islam berdasarkan cagaran dalam bentuk barang perhiasan. Jika dilihat dari segi operasinya, tidak berbeza dengan Ar-Rahnu di Malaysia yang

juga diwujudkan untuk membantu masyarakat Islam dan mengambil cagaran dalam bentuk barang kemas.

Namun, sangat berbeza dengan Ar-Rahnu di Malaysia apabila McMillen (2000) meneliti tentang Ar-Rahnu di Negara Arab yang membolehkan individu atau syarikat besar menggunakan aset alih seperti cagaran peralatan besar untuk pelbagai urusan niaga. Demikian itu, kaedah pembiayaan bercagar masih diguna pakai sebagaimana Ar-Rahnu di Malaysia, namun cagarannya adalah dalam bentuk aset yang berasaskan pelaburan yang lebih besar dan dalam tempoh pinjaman yang lebih lama. Kedua-dua kajian di peringkat antarabangsa ini dikaji dari perspektif yang sangat berbeza dengan trend-trend kajian Ar-Rahnu di peringkat Negara-negara Asean.

Kajian Ar-Rahnu di Indonesia

Begitu pula dengan Indonesia yang menjadi negara di Asia Tenggara yang paling kehadapan dalam melaksanakan Ar-Rahnu. Organisasi Ar-Rahnu di Indonesia lebih maju dalam mengamalkan Ar-Rahnu. Justeru, perbincangan selepas ini juga merujuk kepada kajian-kajian lepas tentang Ar-Rahnu di Indonesia. Hal ini kerana kajian-kajian tentang Ar-Rahnu di Indonesia lebih banyak ditemui dan ini dapat memperbanyakkan sumber rujukan mengenai Ar-Rahnu. Antara isu yang sering difokuskan dalam beberapa kajian Ar-Rahnu di Indonesia adalah isu operasi dan pelaksanaan Ar-Rahnu, isu hukum dan pandangan ulama terhadap pelaksanaan Ar-Rahnu dan isu penerimaan pengguna terhadap Ar-Rahnu di Indonesia. Isu berkenaan operasi dan pelaksanaan Ar-Rahnu di Indonesia dibincangkan dalam beberapa kajian, antaranya Rinatamin (2011) mengatakan, pengurusan Ar-Rahnu di Indonesia merangkumi empat aspek iaitu perencanaan, pengorganisasian, pelaksanaan dan pengawasan. Beliau mendapati, Ar-Rahnu dijalankan dengan cukup baik walaupun terdapat kekurangan pada struktur organisasinya.

Kajian Susilowati (2008) pula mendapati Ar-Rahnu di Semarang, Indonesia dilaksanakan mengikut syariat yang digariskan Islam apabila pengguna hanya perlu membayar upah simpan sebagai jaminan untuk memelihara barang gadaian. Begitu juga Natalia (2009) yang turut bersetuju bahawa Ar-Rahnu mengamalkan prinsip-prinsip Islam sebagai agama yang dianuti oleh majoriti masyarakat Indonesia. Seterusnya, Dahlina (2005) mendapati, operasi gadaian di Bank Negara Indonesia (BNI) Unit Syariah Cawangan Medan juga dilaksanakan mengikut landasan Islam. Namun, beliau mendapati, Bank Muamalat Cawangan Medan masih belum melaksanakan Ar-Rahnu sepertimana Bank Muamalat Indonesia Pusat yang telah melaksanakan Ar-Rahnu. Beliau merumuskan bahawa sistem gadaian yang mengikut syariah di Indonesia masih belum dilaksanakan sepenuhnya, walaupun penduduk di Indonesia majoritinya beragama Islam.

Mengikut Mukhlis (2010) pula, operasi Ar-Rahnu terbahagi kepada tiga jenis produk iaitu pertama, penyaluran pembiayaan secara gadaian emas biasa. Kedua, pembiayaan untuk kegiatan keusahawanan kecil yang dikenali sebagai pembiayaan ARRUM (Ar-Rahnu untuk Usaha Mikro Kecil). Ketiga, pembiayaan murabahah iaitu penjualan emas oleh Ar-Rahnu kepada masyarakat secara ansuran atau tunai dalam tempoh tertentu. Produk ini dinamakan sebagai MULIA (Murabahat Logam Mulia untuk Pelaburan Abadi). Kajian tersebut juga bersetuju bahawa pembiayaan MULIA dengan akad murabahah dan rahn di Ar-Rahnu sesuai dengan hukum Islam.

Namun, hasil kajian Natalia (2009) mengatakan, prinsip mudarabah dalam Ar-Rahnu masih tidak dapat dipastikan sama ada pembiayaan tersebut sesuai dengan prinsip syariah atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, beliau tetap mengatakan bahawa Ar-Rahnu masih mengamalkan prinsip-prinsip syariat Islam sebagai agama yang dianuti oleh majoriti masyarakat Indonesia. Kenyataan ini juga disokong oleh Salamon (2009), tentang masyarakat Indonesia yang majoritinya beragama Islam sangat memerlukan Ar-Rahnu yang menerapkan prinsip-prinsip Islam. Beliau mendapati 97 peratus masyarakat bersetuju mengenai aspek halal menjadi pertimbangan utama mereka untuk memilih sesuatu produk. Justeru, aspek halal menjadi faktor utama dalam menentukan pemilihan masyarakat yang mahukan kehidupan yang berlandaskan syariah Islam. Keadaan ini dilihat bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas mengenai Ar-Rahnu di Indonesia memfokuskan perbincangan tentang aspek pertimbangan halal dan haram pelaksanaan Ar-Rahnu.

Selain itu, terdapat kajian yang mendedahkan tentang isu hukum dan pandangan para ulama berkenaan masalah penggunaan barang gadaian (al-marhun). Kajian yang dijalankan di Ar-Rahnu Makasar, Sulawesi Selatan oleh Yunta (2007) mengemukakan tentang perselisihan pendapat oleh para ulama tentang masalah pemanfaatan harta gadaian sama ada oleh al-rahin (peminjam) atau al-murtahin (pemberi pinjaman). Menurut kajian tersebut, sebahagian ulama membolehkan pemanfaatan harta gadaian oleh al-rahin kerana al-rahin merupakan pemilik harta tersebut, manakala al-murtahin tidak dibenarkan memanfaatkan harta gadaian melainkan harta gadaian tersebut terdiri daripada haiwan yang boleh ditunggangi atau diperah susunya mengikut jumlah kos yang dikeluarkan oleh al-murtahin. Namun, kenyataan tersebut disangkal oleh Maulidia (2003) tentang pendapat oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal bahawa al-murtahin boleh mendapatkan manfaat daripada objek yang dicagarkan walaupun tidak mendapat kebenaran daripada al-rahin. Walau bagaimanapun ia hanya khusus kepada objek gadaian yang boleh ditunggangi dan diperah susunya seperti haiwan ternakan. Menurut Maharani (2009), persaingan dalam perniagaan pajak gadai sangat tinggi di Indonesia dengan munculnya banyak pesaing. Justeru, penting kepada institusi Ar-Rahnu menjaga reputasi mereka dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kajian Muis (2008) berpendapat, penting kepada Ar-Rahnu meningkatkan strategi promosi akibat daripada persaingan yang semakin meningkat daripada pelbagai institusi Ar-Rahnu termasuk pajak gadai konvensional. Beliau bersetuju bahawa strategi promosi melalui jualan sendiri dengan menyebarkan brosur kepada masyarakat adalah lebih efektif dan berjaya.

Kajian Khoiriyah (2010) mengatakan, kunci utama untuk berjaya dalam persaingan adalah dengan meningkatkan penerimaan pengguna melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi keperluan pengguna. Penemuan kajian tersebut bersetuju bahawa kualiti layanan kakitangan Ar-Rahnu berpengaruh terhadap peningkatan jumlah pengguna. Kajian Wakhyudin dan Rais (2009) juga bersetuju tentang pentingnya faktor layanan kakitangan yang baik apabila masyarakat bukan Islam menggunakan Ar-Rahnu kerana faktor layanan yang baik dan bukan disebabkan oleh pengaruh agama. Kajian oleh Hasanah (2010) pula menentukan tahap kepuasan pengguna menggunakan enam model dimensi kualiti perkhidmatan iaitu kepatuhan, jaminan, kebolehpercayaan, ketara, empati dan responsif. Hasilnya, beliau mendapati pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan Ar-Rahnu.

Masyarakat juga dikatakan mempunyai penerimaan yang baik terhadap Ar-Rahnu. Misalnya kajian oleh Yulisia (2010) mengatakan, responden rata-rata bersetuju bahawa Ar-Rahnu memberi kemudahan kepada pengguna kerana hanya perlu membayar jumlah pinjaman yang diambil berserta dengan upah simpan. Beliau mendapati, 62 peratus responden bersetuju untuk

menggunakan Ar-Rahnu bagi mendapatkan sumber kewangan dengan cepat, manakala 92 peratus responden bersetuju untuk menjauhi riba, gharar dan maysir. Keadaan ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan dan kepercayaan untuk memilih Ar-Rahnu. Selain itu, Pradhanawati (2011) juga merujuk kepada isu yang sama iaitu tentang penerimaan pengguna terhadap Ar-Rahnu. Menurut kajian tersebut, faktor utama pengguna memilih Ar-Rahnu cawangan Kota Semarang, Indonesia disebabkan faktor agama iaitu operasinya yang bebas daripada riba dengan peratusan sebanyak 38 peratus. Turut dinyatakan dalam kajian tersebut mengenai 72 peratus responden memahami syarat, prosedur dan proses gadaian, manakala 54 peratus responden bersetuju bahawa masyarakat mempercayai institusi kewangan berlandaskan agama. Begitu juga dengan Ar-Rahnu apabila kepercayaan masyarakat terhadap produk kewangan Islam ini semakin meningkat dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah pembiayaan yang dapat disalurkan kepada masyarakat. Hal ini kerana kajian oleh Purnomo (2012) mengatakan, pendapatan Ar-Rahnu dan jumlah pengguna mempengaruhi secara signifikan terhadap pengagihan pembiayaan oleh Ar-Rahnu. Rentetan itu, kajian oleh Maharani (2009) mencadangkan agar lebih banyak cawangan Ar-Rahnu dibuka di kawasan-kawasan perumahan, pasar-pasar dan daerah-daerah yang strategik bagi mendekatkan lagi Ar-Rahnu kepada masyarakat. Usaha ini dapat memaksimumkan pemasaran terutamanya penyaluran pembiayaan kepada aktiviti keusahawanan kecil dan seterusnya dapat bersaing dalam perniagaan pajak gadai.

Secara global, tidak banyak kajian Ar-Rahnu yang dilakukan oleh pengkaji Barat berbanding pajak gadai konvensional. Hal ini kerana tidak banyak negara di dunia yang telah memperkenalkan perkhidmatan gadaian mengikut syariah kecuali di beberapa negara Asia. Beberapa kajian juga menunjukkan kajian daripada Ar-Rahnu di Indonesia yang paling banyak ditemui.

Kesimpulan

Maka, perbincangan mengenai instrumen kewangan Islam ini juga masih terhad. Berbanding negara-negara lain di Asia, Ar-Rahnu di Indonesia dilihat lebih maju dan terkehadapan dalam melaksanakan pembiayaan mikro berjangka pendek ini. Walaupun terdapat banyak kajian tentang Ar-Rahnu di Indonesia, namun pengkaji-pengkaji Ar-Rahnu di Indonesia membincangkan isu-isu yang terhad kepada isu operasi dan pelaksanaan Ar-Rahnu sahaja yang dilihat dari perspektif memenuhi aspek pematuan syariah atau sebaliknya. Isu-isu mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pengguna dan masyarakat terhadap Ar-Rahnu pula tidak banyak dibincangkan. Jika ada pun hanya terhad kepada satu atau dua kajian sahaja.

Tidak banyak diketahui tentang pendedahan Ar-Rahnu dari Negara-negara luar. Kewujudan Ar-Rahnu di Negara-negara Arab juga tidak diketahui akibat kajian literatur dari wilayah tersebut tidak ditemui. Galakan untuk pengkaji-pengkaji luar secara global untuk menerbitkan makalah berkaitan Ar-Rahnu perlu dilakukan agar instrumen kewangan Islam ini mampu diperkembangkan ke serata Negara dan mampu memberi manfaat kepada dunia sejagat.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) di atas pembiayaan geran penyelidikan ini dengan nombor rujukan file: 600-RMC/FRGS-EC 5/3 (116/2024).

References

- Alegria, J. P. R., & Rempillo, M. G. (2016). Taxation of Pawnshop in the Philippines and in the ASEAN Region. *NTRC Tax Research Journal*, xxviii (2), 1-33.
- Comeau, M., & Klofas, J. (2012). An Analysis of Pawn Shops: Legislation Series: Overview of Article 5 of the General Business Law. Criminal Justice. Center for Public Safety Initiatives. Diakses dari <https://www.rit.edu/cla/criminaljustice/sites/rit.edu.cla.criminaljustice/files/docs/WorkingPapers/2012/2012-12.pdf> pada 3 April 2017.
- Dahlina, R. (2005). Kedudukan Lembaga Gadai Syariah (Ar-Rahn) Dalam Sistem Perekonomian Islam: Study Di Bank Muamalat Indonesia Cabang Medan Dan BNI Unit Syariah Cabang Medan. Tesis Sarjana, Universitas Sumatera Utara, Medan.
- Fathima Zahira, & Riyad Rooly. (2018). Issues and challenges on the practices of gold certificate financing in Islamic financial institutions in Sri Lanka: special reference to Amana Bank PLC. 5th International Symposium 2018.
- Hasanah, M. (2010). The Influence of Service Quality Towards Pegadaian Syariah Customer Satisfaction. Kertas Projek Sarjana Sains (pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Huian, M. C. (2009). Some Considerations on Accounting for Pawnshops in Romania. Kertas prosiding dibentangkan di Munich Personal RePEc Archive (MPRA), Munich.
- Hung, T. C., & Lin, C. Y. (2022). Key Sustainable Factors of the Pawnbroking Industry: An Empirical Study in Taiwan. *Sustainability*, 14(12669), 1-12.
- Kentaro Kambara. (2017). Economics of Ar-Rahnu (Islamic Pawnbroking): Issues and Cases in Brunei Darussalam. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, (2017), 87-96.
- Khan, J., A. & Nisar, S. (2004). Collateral (Al-Rahn) as Practiced by Muslim Funds of North India. *Journal Islamic Economic*, 17(1), 17-34.
- Khoiriyah, M. (2010). Analisis Pelayanan Perum Pegadaian Syariah Terhadap Loyalitas Konsumen (Studi Pada Pegadaian Syariah Di Cabang Malang). Tesis Sarjana Ekonomi Fakultas Ekonomi (Pengurusan), Universitas Islam Negeri (UIN), Malang, Indonesia.
- Lao, J. (2005). Unexplained Pawn Pricing Behavior: A Study of Las Vegas Pawnshops. *Michigan Journal of Economics*, 19(1), 63-80.
- Maulidia, L. R. (2003). The Optimizing of Rahn Service for the Development of Islamic Banking in Indonesia. *Journal of Islamic Economics*, 4(2), 169-179.
- McMillen, M. J. T. (2000). A Rahn-Adl Collateral Security Structure for Project and Secured Financings. Paper presented at The Third Harvard University Forum on Islamic Finance: Local Challenges, Global Opportunities Boston: Center for Middle Eastern Studies, Harvard Islamic Finance Information Program, Harvard University.
- Muis, B. (2008). Implementasi Strategi Pemasaran Pada Perum Pegadaian Cabang Kepanjen Malang. Tesis Sarjana Ekonomi, Universitas Islam Negeri (UIN) Malang, Indonesia.
- Mukhlis. (2010). Implementasi Gadai Syariah dengan Akad Murabahah dan Rahn (Studi di Pegadaian Syariah Cabang Mlati Sleman Yogyakarta). Ijazah Sarjana. Ilmu Hukum, Universitas Sebelas Maret, Surakarta, Indonesia.
- Maharani, R. A. (2009). Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Transformasional dengan Stres Kerja Pada Karyawan di Kantor Wilayah Perum Pegadaian. Tesis Sarjana Psikologi, Universitas Islam Indonesia, Yogyakarta.

- Natalia, D. (2009). *Pegadaian Syariah: Teori dan Aplikasinya pada Perum Pegadaian di Indonesia*. Tugas Akhir Fakultas Ekonomi dan Pengurusan, Institut Pertanian Bogor, Indonesia.
- Pradhanawati, A. (2011). Potensi dan Preferensi Terhadap Perilaku Memilih Pegadaian Syariah. *Jurnal Bisnis dan Manajemen*, XII(1), 1-7.
- Purnomo, A. (2012). Pengaruh Pendapatan Pegadaian, Jumlah Nasabah, dan Tingkat Inflasi Terhadap Penyaluran Kredit Pada Perum Pegadaian Syariah Cabang Dewi Sartika Periode 2004-2008. Diakses dari http://www.gunadarma.ac.id/library/articles/graduate/economy/2009/Artikel_20205019.pdf pada 16 Januari 2013.
- Rinatamin, C., P. (2011). *Aplikasi Manajemen Kredit Dalam Menjaga Efektifitas Penyaluran Kredit Pada Pegadaian Syariah: Studi Pada Pegadaian Syariah Cabang Kediri*. Tesis Sarjana Ekonomi, Universitas Islam Negeri (UIN), Malang, Indonesia.
- Salamon, S. (2009). *Sistem Pegadaian Konvensional dan Syariah dalam Memberikan Pelayanan Pembiayaan Masyarakat Kota Palu*. Diakses dari <http://www.badilag.net/data/ARTIKEL/Sutrisno%20Salomon,%20WKPA%20Bungku.pdf> pada 16 Januari 2013.
- Susilowati, T. P. (2008). *Pelaksanaan gadai dengan sistem syariah di Perum Pegadaian Semarang* (Tesis Sarjana, Semarang, Indonesia).
- Wakhyudin, & Rais, S. (2009). Pengembangan Pegadaian Syariah di Indonesia dengan Analisis SWOT. *Jurnal Pengembangan Bisnis dan Manajemen*, IX(14).
- Yulisia, C. S. A (2010). Examination the Demand of Ar-Rahnu / Islamic Pawn Broking Services in Indonesia. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Business and Economics (ICBE).
- Yunta, A. H. D. (2007). *Hukum Pemanfaatan Harta Gadaian (al- Marhun) dan Aplikasinya dalam Pegadaian Syariah di Makassar Sulawesi Selatan*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhou, L. (2010). Pawn Financing: One of Viable Financing Channels For SMEs in China. *Sei of Blue Mountain. Orient Academic forum*. Diakses dari <http://www.seiofbluemountain.com/upload/product/201012/4-Z12.pdf> pada 3 April 2017.
- Zhou, L.M. (2015). *The Financing of Small and Medium Enterprise in China: A Case Study of China's Pawn-broking Industry*. International Conference on Industrial Technology and Management Science, Published: Atlantis Press.